

B 8373 DEB

MAHATHIR-SEMANGAT 1985

KUALA KRAI, 12 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, SETIAP ANGGOTA UMNO MESTI BERJAGA-JAGA TERHADAP PROSES KELUNTURAN SEMANGAT PERJUANGAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGEKALKAN KEUTUHAN PARTI SELAMA INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG TELAH LAMA WUJUD, UMNO TIDAK TERLEPAS DARIPADA PROSES MENJADI USANG DAN SEMANGAT PARA ANGGOTANYA MENJADI LUNTUR.

KATANYA, BAGAIMANAPUN UMNO AKAN TERUS UTUH SEKIRANYA SETIAP ANGGOTA MEMPERBAHARUI DAN MEMUPUK SEMANGAT PERJUANGAN BERASASKAN KEPADA KESEDARAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA KIRA-KIRA 10,000 ORANG KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA KRAI DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAHI KIRA-KIRA LIMA KM DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA YANG PENTING BAGI KEUTUHAN UMNO IALAH PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTA DAN SOKONGAN PENUH MEREKA KEPADA PEMIMPIN DAN BUKANNYA KEPIMPINAN ITU SENDIRI.

BELIAU BERHARAP SETIAP ANGGOTA UMNO YANG MENINGGALKAN JAWATAN DALAM PARTI TERUS BERJUANG TANPA MASALAH KOMUNIKASI DI KALANGAN SUSUNAN ORGANISASI PARTI. -- LAGI.

1507MST 12 07 85

MAHATHIR-SEMANGAT 2 KUALA KRAI

KATANYA, INI DAPAT DILAKUKAN DENGAN ADA KESEDARAN BAHAWA MATLAMAT PERJUANGAN UMNO ADALAH UNTUK MENEGAKKAN KEDAULATAN ORANG MELAYU DAN MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ISLAM AGAR DIHORMATI DI SELURUH DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, UMNO BERSAMA-SAMA DENGAN PARTI POLITIK YANG LAIN, BERJAYA MEMBEDAKAN NEGARA DARIPADA CENGKAMAN PENJAJAH SERTA MEMBAWA NIKMAT PEMBANGUNAN KEPADA SELURUH RAKYAT KERANA WUJUDNYA SEMANGAT PERJUANGAN YANG KUAT PADA SETIAP ANGGOTANYA.

SEMANGAT ITU LAHIR DARIPADA KESEDARAN SETIAP ANGGOTA AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA TERHADAP AGAMA, BANGSA DAN NEGARA, KATA BELIAU.

KATANYA, SEMANGAT ITULAH JUGA YANG MEMBOLEHKAN UMNO TERUS KEKAL SEBAGAI SATU-SATUNYA PARTI POLITIK YANG MASIH MEMERINTAH SELEPAS MENUNTUT KEMERDEKAAN DARIPADA PENJAJAH.

KATANYA, SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA BANYAK PARTI POLITIK DITUBUHKAN BAGI MENUNTUT KEMERDEKAAN DARIPADA KUASA-KUASA PENJAJAH TETAPI KINI LUPUT.

PRESIDEN PARTI ITU BERKATA BAHAWA SEMANGAT PERJUANGAN PENTING PADA SEBUAH PARTI POLITIK DAN MANUSIA UNTUK BERJAYA. -- LAGI.

1511MST 12 07 85

MAHATHIR-SEMANGAT 3 KUALA KRAI

KATANYA, KERANA SEMANGAT KEBANGSAAN YANG KUAT, MAKA BAHASA MELAYU DAPAT DITERIMA SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DI INDONESIA KETIKA RAKYAT NEGARA ITU YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI SUKU KAUM DENGAN BAHASA-BAHASA MEREKA SENDIRI BERSATU MENENTANG KUASA BELANDA.

BAGAIMANAPUN, DI SEBUAH NEGARA ASIA YANG LAIN, USAHA KERAJAAN NEGARA BERKENAAN UNTUK MEMPERKENALKAN BAHASA HINDI SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN GAGAL KERANA DILAKUKAN KETIKA RAKYATNYA TIDAK LAGI MEMPUNYAI SEMANGAT KEBANGSAAN SEKUAT KETIKA MEREKA MENENTANG PENJAJAHAN BRITISH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN UMNO AKAN DAPAT MENEMPAT KEJAYAAN YANG LEBIH TINGGI JIKA SETIAP ANGGOTA MENYUSUN STRATEGI PERJUANGAN MEREKA BERASASKAN KEPADA PENGGUNAAN OTAK SEPENUHNYA DI SAMPING SEMANGAT PERJUANGAN YANG TEBUH.

KATANYA, PADA MASA INI PEMIKIRAN SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA LEBIH BERTUMPU KEPADA Mencari KESALAHAN ORANG LAIN DAN BUKANNYA TERHADAP USAHA MEMIKIRKAN CARA-CARA MEMPERBAIKI KEHIDUPAN MASYARAKAT.

KATANYA, KALAU BEGITU PENTINGLAH BAGI SETIAP ANGGOTA UMNO MENUMPUKAN PERHATIAN DAN PEMIKIRAN MENGATASI MASALAH MASYARAKAT DAN NEGARA KERANA CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI DALAM SEMUA BIDANG ADALAH BESAR. -- LAGI.

1514MST 12 07 85

MAHATHIR-SEMANGAT 4 KUALA KRAI

KUASA OTAK AKAN DAPAT MENGATASI KEKUATAN-KEKUATAN LAIN YANG DIPUNYAI OLEH MANUSIA SEPERTI YANG BERLAKU TERHADAP NEGARA-NEGARA ARAB YANG AKHIRNYA TEWAS KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU DALAM MENGGUNAKAN KUASA MINYAKNYA, KATA BELIAU.

DATUK SRI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU PARA ANGGOTA UMNO BERHATI-HATI DALAM MEMBERI SOKONGAN MEREKA DAN JANGAN DIPENGARUHI OLEH ORANG-ORANG YANG MENGGUNAKAN WANG UNTUK MENDAPATKAN JAWATAN DALAM PARTI DEMI KEUTUHAN DAN PERPADUAN UMNO.

YANG TURUT MENGIRINGI BELIAU IALAH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH HAJI ALI DAN MENTERI BESAR KELANTAN, DATUK HAJI MOHAMED YAACOB. -- BERNAMA.

1517MST 12 07 85